

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai pada jam 1200, hari Rabu, 10 November 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, SEPTEMBER 2021

**Perdagangan Borong & Runcit Malaysia catat RM108.1 bilion pada
September 2021, merosot -2.6 peratus**

PUTRAJAYA, 10 NOVEMBER 2021 – Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit Malaysia jatuh -2.6 peratus tahun ke tahun kepada RM108.1 bilion pada September 2021, mengecil daripada -10.2 peratus yang dicatatkan pada Ogos, manakala berbanding bulan sebelumnya nilai jualan menunjukkan peningkatan 8.1 peratus seperti yang dilaporkan hari ini dalam **PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, SEPTEMBER 2021**. Laporan ini juga memaparkan statistik nilai jualan dan indeks volum bagi Perdagangan Borong & Runcit mengikut subsektor.

Dalam satu kenyataan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Penurunan dalam Perdagangan Borong & Runcit adalah disebabkan oleh subsektor Kenderaan Bermotor yang menguncup -20.9 peratus atau RM2.9 bilion kepada RM10.8 bilion pada September 2021.

Perdagangan Runcit juga turun -1.1 peratus atau RM0.5 bilion kepada RM44.3 bilion. Sebaliknya, Perdagangan Borong berkembang semula 0.9 peratus atau RM 0.5 bilion untuk mencapai RM53.0 bilion dalam tempoh yang sama. Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit meningkat 8.1 peratus, disokong oleh pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi termasuk aktiviti sosial seperti '*dining-in*' serta pelancongan di bawah Pelan Pemulihan Nasional."

Beralih kepada prestasi mengikut subsektor, Ketua Perangkawan memaklumkan, "Pertumbuhan -20.9 peratus bagi subsektor Kenderaan Bermotor pada September 2021 adalah disebabkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang merosot -18.1 peratus atau RM1.4 bilion kepada RM6.5 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor dengan -23.2 peratus kepada RM2.4 bilion. Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor juga menurun -25.3 peratus kepada RM1.1 bilion diikuti oleh Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal dengan pertumbuhan sebanyak -28.4 peratus untuk mencecah RM0.8 bilion. Sebaliknya, bagi perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini melonjak 85.2 peratus, diterajui oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang mencatatkan 109.7 peratus apabila operasi perniagaan yang Kembali dibenarkan di seluruh negara."

Mengulas lebih lanjut mengenai subsektor Perdagangan Runcit, penguncupan -1.1 peratus adalah disumbangkan oleh Jualan Runcit di Kedai Khusus yang merosot -9.8 peratus atau RM0.9 bilion kepada RM8.4 bilion. Jualan Runcit Barangan Isi Rumah juga turun -3.9 peratus atau RM0.2 bilion kepada RM5.7 bilion. Sebaliknya, kumpulan lain dalam subsektor ini mencatatkan pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan 5.3 peratus, Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau 6.4 peratus, Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar 28.2 peratus, Jualan Runcit Barangan Kesenian & Rekreasi 4.5 peratus, Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan

0.3 peratus, Jualan Runcit di Gerai & Pasar 10.7 peratus, dan Jualan Runcit Kelengkapan Informasi & Komunikasi 0.3 peratus. Bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Runcit meningkat 4.6 peratus dengan semua kumpulan dalam subsektor ini mencatatkan pertumbuhan positif.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menerangkan, "Pertumbuhan 0.9 peratus bagi subsektor Perdagangan Borong pada bulan ini disumbangkan oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong yang meningkat 3.7 peratus atau RM0.7 bilion kepada RM20.3 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau dan Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup yang berkembang masing-masing 6.3 peratus dan 8.6 peratus. Bagaimanapun, Jualan Borong Barangan Isi Rumah, Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan dan Jualan Borong Berdasarkan Yuran atau Kontrak masing-masing merosot -8.7 peratus, -3.7 peratus dan -14.3 peratus. Untuk perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini meningkat 2.2 peratus."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin seterusnya memaklumkan, "Indeks jualan runcit melalui internet merekodkan pertumbuhan 18.1 peratus tahun ke tahun (Ogos 2021: 13.8 peratus). Bagi nilai pelarasan musim, indeks ini meningkat 5.7 peratus berbanding bulan sebelum."


Manakala bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan pertumbuhan -5.6 peratus tahun ke tahun. Ketua Perangkawan turut memaklumkan bahawa penguncupan ini disebabkan oleh Kenderaan Bermotor yang menjunam -25.9 peratus. Ini diikuti oleh Perdagangan Runcit dan Perdagangan Borong yang jatuh masing-masing -2.8 peratus dan -2.7 peratus. Sementara itu, indeks volum pelarasan musim meningkat 9.7 peratus bulan ke bulan.

Aktiviti Semakan Kualiti (Q) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang


dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan **Hari Statistik Negara (MyStats Day)** pada 20 Oktober setiap tahun. Pengisytiharan ini telah mengiktiraf sumbangan ahli statistik dan profesion statistik di negara ini. Hari Statistik Negara ini juga boleh diraikan oleh agensi pengeluar, pembekal dan pengguna statistik serta pelbagai lapisan komuniti yang terdiri daripada agensi kerajaan, penyelidik, universiti dan sekolah serta masyarakat umum. Tema sambutan Hari Statistik Negara tahun 2021 ialah ***"Connecting The World with Data We Can Trust"***.

**Carta 1: Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit,
Januari 2019 - September 2021 (RM Bilion)**



**Carta 2: Indeks Jualan Runcit Melalui Internet,
Januari 2019 - September 2021**



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 NOVEMBER 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Wednesday, November 10, 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, MALAYSIA,
SEPTEMBER 2021

Wholesale & Retail Trade Malaysia stood at RM108.1 billion in September 2021, dipped -2.6 per cent

PUTRAJAYA, NOVEMBER 10, 2021 – Sales of Wholesale & Retail Trade Malaysia fell -2.6 per cent year-on-year to RM108.1 billion in September 2021, narrowing from -10.2 per cent recorded in August, meanwhile as compared to the previous month, sales value showed an increase of 8.1 per cent as reported today in **PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, SEPTEMBER 2021**. This report also presents statistics on sales value and volume index of Wholesale & Retail Trade by sub-sector.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The decrease in Wholesale & Retail Trade was attributed to Motor Vehicles sub-sector which contracted -20.9 per cent or RM2.9 billion to register RM10.8 billion in September 2021. Retail Trade also dropped -1.1 per cent or RM0.5 billion to RM44.3 billion. On the other hand, Wholesale Trade rebounded 0.9 per cent or RM 0.5 billion to reach RM53.0 billion within the same period. For

month-on-month comparison, sales value of Wholesale & Retail Trade increased 8.1 per cent, supported by the reopening of various economic sectors including social activities such as dining in as well as tourism under National Recovery Plan.”

Looking at the performance across sub-sectors, the Chief Statistician informed, “The Motor Vehicles sub-sector growth of -20.9 per cent in September 2021 was dragged down by Sales of Motor Vehicles which slumped -18.1 per cent or RM1.4 billion to RM6.5 billion. This was followed by Sales of Motor Vehicles Parts & Accessories with -23.2 per cent to record RM2.4 billion. Similarly, Maintenance & Repair of Motor Vehicles also decreased -25.3 per cent to RM1.1 billion followed by Sales, Maintenance & Repair of Motorcycles with a growth of -28.4 per cent to reach RM0.8 billion. In contrary, for month-on-month comparison, sales of this sub-sector spiked 85.2 per cent, spearheaded by Sales of Motor Vehicles which registered 109.7 per cent as restored business operation nationwide.”

Commenting further on Retail Trade sub-sector, the contraction of -1.1 per cent was attributed to Retail Sales in Specialised Stores which declined -9.8 per cent or RM0.9 billion to RM8.4 billion. Likewise, Retail Sales of Household Goods also went down -3.9 per cent or RM0.2 billion to RM5.7 billion. Conversely, other group in this sub-sector recorded positive growth namely Retail Sales of Automotive Fuels 5.3 per cent, Retail Sales of Food, Beverages & Tobacco 6.4 per cent, Retail Sales Not in Stores, Stalls or Market 28.2 per cent, Retail Sales of Cultural & Recreation Goods 4.5 per cent, Retail Sales in Non-specialised Stores 0.3 per cent, Retail Sales in Stalls & Market 10.7 per cent, and Retail Sales of Information & Communication Equipment 0.3 per cent. As for monthly comparison, Retail Trade went up 4.6 per cent with all groups in this sub-sector posted positive growth.

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also informed, “The 0.9 per cent growth in Wholesale Trade sub-sector this month was attributed to Other Specialised

Wholesale which grew 3.7 per cent or RM0.7 billion to RM20.3 billion. This was followed by Wholesale of Food, Beverages & Tobacco and Wholesale of Agricultural Raw Materials & Live Animals which expanded 6.3 per cent and 8.6 per cent, respectively. However, Wholesale of Household Goods, Wholesale of Machinery, Equipment & Supplies and Wholesale on a Fee or Contract Basis declined -8.7 per cent, -3.7 per cent and -14.3 per cent, respectively. For month-on-month comparison, sales of this sub-sector grew 2.2 per cent.”

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also went on to note that, “Index of retail sale over the internet recorded 18.1 per cent growth year-on-year (August 2021: 13.8 per cent). For seasonally adjusted value, the index rose 5.7 per cent as against the previous month.”


In terms of volume index, Wholesale & Retail Trade registered a year-on-year growth of -5.6 per cent. The Chief Statistician added that the contraction was caused by Motor Vehicles which plunged -25.9 per cent. This was followed by Retail Trade and Wholesale Trade which fell -2.8 per cent and -2.7 per cent, respectively. Meanwhile, seasonally adjusted volume index went up 9.7 per cent month-on-month.

The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because “Your Data is Our Future”. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.


The Government of Malaysia has declared **National Statistics Day (MyStats Day)** on October 20 every year. The declaration has recognised the contributions of statisticians and the statistical profession in the country. National Statistics Day can also be celebrated by agencies that produce, providers and

users of statistics as well as various levels of the community consisting of government agencies, researchers, universities and schools as well as the general public. The theme of MyStats Day in 2021 is **“Connecting The World with Data We Can Trust”**.

**Chart 1: Sales Value of Wholesale & Retail Trade,
January 2019 – September 2021 (RM Billion)**



**Chart 2: Index of Retail Sale Over the Internet,
January 2019 – September 2021**



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

10 NOVEMBER 2021